

10 DEC 1999

Mahathir-Kriteria

PEMILIHAN AMBIL KIRA BANYAK FAKTOR, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata menteri dan anggota pentadbiran kerajaan lain dipilih berdasarkan kepada pelbagai kriteria termasuk memastikan penampilan muka baru.

Perdana Menteri berkata beliau turut menilai prestasi menteri dalam Kabinet sebelum ini dan juga prestasi parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Dr Mahathir berkata beliau juga perlu mengimbangi antara parti-parti komponen Barisan Nasional, negeri-negeri dan juga daripada segi jantina.

"Banyak perkara yang perlu diberi pertimbangan," katanya ketika ditanya mengenai kriteria memilih anggota kabinet.

Bercakap pada sidang berita untuk mengumumkan barisan Kabinet dan anggota pentadbiran kerajaan lain di Jabatan Perdana Menteri di sini, Dr Mahathir, selaku Pengerusi BN, berkata beliau perlu mengambil kira semua aspek dalam membuat pemilihan.

"Susah nak dapat nama-nama. Sebab itu lambat sikit (pengumuman Kabinet baru)," kata beliau.

Dua muka baru dalam Kabinet Dr Mahathir ialah Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi dan Menteri Pendidikan Datuk Musa Mohamad.

Sementara itu Datuk Rais Yatim yang dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah memegang jawatan Menteri Penerangan dan Menteri Luar sementara Tan Sri Bernard Dompok yang dilantik Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah memegang jawatan yang sama.

Timbalan Menteri yang dinaikkan pangkat kepada Menteri pula ialah Datuk Hishamuddin Tun Hussein (Belia dan Sukan), Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz (Pembangunan Usahawan), Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar), Datuk Dr Fong Chan Onn (Sumber Manusia) dan Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Perlantikan mengikut negeri pula menyaksikan Johor mempunyai bilangan Menteri yang paling ramai iaitu enam orang, diikuti dengan Perak (4), Kedah, (3), Sabah (3), Sarawak (3), Pahang (3), Pulau Pinang (2), Negeri Sembilan (1), Perlis (1) dan Melaka (1).

Terengganu dan Kelantan tidak mempunyai wakil dalam Kabinet baru.

Daripada segi pembahagian mengikut parti, Umno mempunyai 16 Menteri, MCA (4), MIC (1), Gerakan (1), Akar (1), UPKO (1), PBDS (1), SUPP (1) dan PBB (1).

Ketika ditanya mengapa Terengganu dan Kelantan tidak mempunyai wakil dalam Kabinet, Dr Mahathir berkata kedua-dua negeri itu tidak mempunyai kekosongan dalam Dewan Negara.

Oleh kerana wakil dari kedua-dua negeri itu perlu dilantik di kalangan anggota Senat, Perdana Menteri berkata beliau perlu menunggu sehingga terdapat kekosongan sebelum dapat dipertimbangkan.

BN tidak memenangi sebarang kerusi Parlimen di Terengganu manakala di Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah merupakan calon tunggal BN yang memenangi kerusi Parlimen Gua Musang pada pilihan raya umum lepas.

Ketika ditanya mengapa bilangan Menteri wanita dikurangkan daripada tiga orang kepada dua orang, Dr Mahathir berkata selepas menimbang segala faktor, beliau mendapati bilangan wanita dalam Kabinet tidak dapat dikekalkan atau ditambah.

"Saya kesal kerana tidak dapat mengekal tiga orang. Saya mahu tiga

orang atau lebih tetapi ia tidak mungkin," katanya.

Dua wanita yang dilantik dalam Kabinet baru ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Siti Zaharah yang sebelum ini memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengambil alih tugas Datin Paduka Zaleha Ismail yang digugurkan.

Ketika ditanya sama ada Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak ditukar dari jawatan Menteri Pendidikan ke Menteri Pertahanan kerana memenangi kerusi Parlimen Pekan dengan hanya majoriti yang kecil iaitu 241 undi pada pilihan raya umum lepas, Dr Mahathir berkata: "Tidak."

"Ianya kerana kita mahukan seorang menteri (pendidikan) baru yang dibawa dari luar," katanya merujuk kepada pelantikan Tan Sri Musa Mohamad, bekas naib cancellor Universiti Sains Malaysia sebagai menteri pendidikan yang baru.

Ketika ditanya kenapa Tengku Razaleigh Hamzah tidak dilantik dalam kabinet, Dr Mahathir berkata: "Kita membuat pilihan berdasarkan kriteria yang saya sebutkan tadi."

Ketika ditanya sama ada komponen parti BN meminta tambahan jawatan kabinet, Dr Mahathir berkata hanya Gerakan diberikan tambahan jawatan Setiausaha Parlimen.

Ketika ditanya kenapa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, yang juga Setiausaha Agung MCA digugurkan, Dr Mahathir berkata itu adalah keputusan MCA.

Tempat Ting diambil alih oleh Datuk Ong Ka Ting.

Dr Mahathir berkata beliau akan mengarahkan semua menteri mengisytiharkan harta mereka kepada beliau.

-- BERNAMA

ES MAI